

PRIVACY NOTICE UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010
(SERVICE PROVIDER, VENDOR, PROFESSIONAL ADVISOR)

1. As the service provider, vendor and/or professional advisor of Sumitomo Mitsui Banking Corporation, Labuan Branch (Licensed No: 930016-C) (“**SMBCLBN**”), you (including your shareholders, directors, officers, office bearer, partners, employees, agents, contractors) (each of whom also, “**Data Subject**”) shall supply or cause to be supplied your Personal Data to SMBCLBN, SMBCLBN’s related corporations (within Section 4 of the Labuan Companies Act 1990) and their branches / offices, and SMBC Group’s affiliates or associates (collectively including SMBCLBN, “**SMBC Group**”). The corporations within SMBC Group may be within or outside Malaysia. “**Affiliates**” refers to any legal corporations under the Sumitomo Mitsui Financial Group, whether controlled directly or indirectly. If “agents” / “contractors” are corporations / partnerships, then “you” or “Data Subject” shall include each of their shareholders, directors, officers, office bearer, partners, employees.
2. This Privacy Notice explains what, how, to whom and for what Personal Data is collected, processed and disclosed by SMBC Group. This Privacy Notice also covers your rights to request access, correction, limit processing and contact SMBCLBN in relation to the Personal Data.
3. The Data Subject’s Personal Data collected by SMBCLBN may include but not necessarily limited to name, NRIC, passport or other identification number, nationality, contact details (such as telephone number, email address, mailing address).
4. You shall provide a copy of this Privacy Notice to each of the Data Subjects and to inform them that the Privacy Notice may be updated from time-to-time, the latest copy may be accessed from SMBCLBN’s website at <https://www.smbc.co.jp/asia/malaysia>.
5. By interacting with, submitting Personal Data to, applying for/ requesting/ continuing any appointment with SMBCLBN, you and the Data Subjects agree and consent, and you warrant and confirm that each of the Data Subjects has agreed and consented to the collection, processing, and disclosure (including cross-border transfer) of Personal Data in accordance with this Privacy Notice.
6. Other than from you or persons acting on your behalf, the Personal Data may also be collected by SMBCLBN Group from other sources which may be within or outside Malaysia, such as:-
 - (a) SMBC Group or its affiliates or associates;
 - (b) Your referees, credit reporting agencies, background search/ screening agencies, parties that have present or past business relationship with you;
 - (c) Organisations established by Labuan Financial Services Authority or its subsidiaries, Companies Commission of Malaysia, Labuan International Business and Financial Centre, Insolvency Department of Malaysia, Commissioner of Personal Data Protection or other authorities;
 - (d) Industrial associations such as the Association of Labuan Banks (ALB); or
 - (e) In the ordinary course of the continuation of your relationship with SMBCLBN.
7. SMBCLBN will not be able to proceed or continue with your appointment as SMBCLBN’s service provider, vendor, and / or professional advisor if you do not supply

the Personal Data or the Personal Data is lacking. At the time of applying to be SMBCLBN's service provider, vendor or professional advisor, you may request to limit the processing of the Personal Data, in which case SMBCLBN will cease processing your application as service provider, vendor or professional advisor.

8. The Personal Data may be collected or processed for the following purposes ("**Purposes**") which may be within or outside Malaysia:-
 - (a) To establish a relationship between you and SMBCLBN;
 - (b) For evaluation and due diligence purposes;
 - (c) To evaluate and monitor provision of services;
 - (d) In meeting legal and regulatory requirements of SMBC Group;
 - (e) For enforcement of SMBCLBN's rights and obligations of other parties to SMBC Group;
 - (f) For such other purposes as permitted by applicable law or with your consent; and
 - (g) All other incidental and associated purposes relating to any of the above.
9. The Personal Data will be kept confidential but for the Purposes, it may be provided to the following parties, who may be within or outside Malaysia:-
 - (a) any of SMBC Group corporations, service providers, vendors or professional advisers who are under a duty of confidentiality to us and who provide services or facilities to us, whether in Malaysia or outside Malaysia, in connection with SMBCLBN's business or operations (including and not limited to provision of SMBCLBN's servers and storage provider), whether in Malaysia or otherwise, for the purpose of processing transactions and storing advices, transaction records and other documents, data or records containing the Personal Data;
 - (b) any other person under a duty of confidentiality to us in connection with any purposes set out in **Section 8**;
 - (c) any other parties authorised by you;
 - (d) any of SMBC Group corporations in connection with any of the purposes set out in **Section 8**;
 - (e) any authorities that are required or authorised under the law including to meet obligations to regulatory authorities or any Order of the Court;
 - (f) any person to whom SMBC Group is required, directed or compelled to make a disclosure pursuant to **Section 8(d)** above;
 - (g) information disclosed pursuant to the above may be subject to further disclosure by the recipient of such information to other parties in accordance with the laws of the country in which the recipient is located or the laws of such country(ies) to which such recipient is subject.
10. The security of the Personal Data is SMBCLBN's priority. SMBC Group will take practicable steps to protect and ensure protection of the Personal Data with appropriate security controls.
11. You and / or the relevant Data Subject may request in writing pursuant to **Section 13**:
 - (a) to check the Personal Data and have access to a copy of such Personal Data; or
 - (b) to require SMBCLBN to correct any of the Personal Data which is inaccurate.

For any of such requests, SMBCLBN may require verification of the identity of and indemnity from the requestor or their representatives, to ensure that they are allowed to have and obtain the Personal Data. The request must be specific as to the Personal Data concerned. SMBCLBN may seek more information from you / Data Subject relating to the request.

A fee may be charged for access to the Personal Data. You will generally receive a response from SMBCLBN within 21 days.

12. SMBCLBN may amend this Privacy Notice at any time by placing notice of the amendments at SMBCLBN's website, or by email to you, or through such other mode(s) as SMBCLBN considers suitable.
13. All enquiries or complaints relating to Personal Data, requests for access or correction of Personal Data, request to limit processing of Personal Data, may be made in writing by email to SMBCLBN's Data Protection Officer at smbclbn_dpo@my.smbc.co.jp or by post or facsimile to:-

The Data Protection Officer
Sumitomo Mitsui Banking Corporation, Labuan Branch
(Licensed No. 930016-C)
Level 12 (B&C), Main Office Tower
Financial Park Labuan, Jalan Merdeka
87000 Labuan F.T., Malaysia
Tel No: 60 (87) 410 955 / 957
Fax No: 60 (87) 410 959

14. Should there be any discrepancy found between the English version and Bahasa Malaysia version of this document, the English version shall prevail.

NOTIS PRIVASI DIBAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010
(PENYEDIA PERKHIDMATAN, VENDOR, PENASIHAT PROFESIONAL)

1. Sebagai penyedia perkhidmatan, vendor dan/ atau penasihat profesional kepada Sumitomo Mitsui Banking Corporation, Labuan Branch (No. Lesen: 930016-C) ("SMBCLBN"), anda (termasuk pemegang saham, pengarah, pegawai, pemegang jawatan, rakan kongsi, pekerja, ejen, kontraktor) (yang mana setiap pihak juga dikenali sebagai "**Subjek Data**") hendaklah membekalkan atau menyebabkan **Data Peribadi** anda dibekalkan kepada SMBCLBN, syarikat berkaitan SMBCLBN (sebagaimana dirujuk kepada Seksyen 4 Akta Syarikat Labuan 1990) dan cawangan/ pejabatnya, serta afiliasi atau sekutu Kumpulan SMBC (secara kolektifnya termasuk SMBCLBN, "**Kumpulan SMBC**"). Syarikat-syarikat yang dimaksudkan dalam Kumpulan SMBC termasuk yang berada di dalam atau di luar Malaysia. "**Afiliasi**" merujuk kepada mana-mana syarikat sah di bawah Sumitomo Mitsui Financial Group, sama ada dikawal secara langsung atau sebaliknya. Jika "ejen"/ "kontraktor" adalah syarikat/ perkongsian, maka "anda" atau "Subjek Data" hendaklah merangkumi setiap pemegang saham, pengarah, pegawai, pemegang jawatan, rakan kongsi, pekerja mereka.
2. Notis Privasi ini menerangkan apa, bagaimana, kepada siapa dan untuk apa Data Peribadi dikumpulkan, diproses dan dizahirkan oleh Kumpulan SMBC. Notis Privasi ini juga merangkumi hak anda untuk meminta akses, pembetulan, mengehadakan pemprosesan dan menghubungi SMBCLBN berkaitan dengan Data Peribadi.
3. Data Peribadi berkaitan Subjek Data yang dikumpulkan oleh SMBCLBN boleh meliputi dan tidak semestinya terhad kepada nama, Nombor Kad Pengenalan Baru (NRIC), passport atau nombor pengenalan lain, kewarganegaraan, butiran hubungan (seperti nombor telefon, alamat emel, alamat surat menyurat).
4. Anda hendaklah menyediakan salinan Notis Privasi ini kepada setiap Subjek Data dan memaklumkan kepada mereka bahawa Notis Privasi ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa, salinan Notis Privasi terkini boleh diakses dari laman sesawang SMBCLBN di <https://www.smbc.co.jp/asia/malaysia>.
5. Dengan berinteraksi, menyerahkan Data Peribadi memohon/ meminta/ meneruskan sebarang pelantikan dengan SMBCLBN, anda dan Subjek Data bersetuju dan memberikan kebenaran dan anda menjamin dan mengesahkan bahawa setiap Subjek Data telah bersetuju dan memberikan kebenaran untuk pengumpulan, pemprosesan, dan penzahiran (termasuk pemindahan merentas sempadan) Data Peribadi Notis Privasi ini.
6. Selain memperolehi Data Peribadi daripada anda atau orang yang bertindak bagi pihak anda, Data Peribadi juga boleh dikumpulkan oleh Kumpulan SMBCLBN melalui sumber-sumber lain sama ada dari dalam ataupun di luar Malaysia seperti:
 - (a) Kumpulan SMBC atau afiliasi atau rakan niaganya;
 - (b) Penjamin, agensi pelaporan kredit, agensi penyelidikan/ saringan latar belakang, pihak yang mempunyai hubungan perniagaan dengan anda pada masa kini atau lalu;
 - (c) Organisasi yang ditubuhkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan atau anak syarikatnya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa Labuan, Jabatan Insolvensi Malaysia, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi atau pihak berkuasa lain;
 - (d) Persatuan industri seperti Persatuan Bank di Labuan (ALB); atau

- (e) Urusan kebiasaan sepanjang hubungan perniagaan anda dengan SMBCLBN.
- 7. SMBCLBN tidak akan dapat meneruskan atau melanjutkan pelantikan anda sebagai penyedia perkhidmatan, vendor, dan/ atau penasihat profesional SMBCLBN jika anda tidak membekalkan Data Peribadi ataupun membekalkan Data Peribadi yang tidak lengkap. Ketika permohonan anda sebagai penyedia perkhidmatan, vendor atau penasihat profesional SMBCLBN dibuat, anda boleh meminta untuk mengehadakan pemprosesan Data Peribadi di mana dalam keadaan ini, SMBCLBN akan menghentikan pemprosesan permohonan anda sebagai penyedia perkhidmatan, vendor atau penasihat profesional SMBCLBN.
- 8. Data Peribadi yang dikumpul atau diproses di dalam atau di luar Malaysia adalah bagi tujuan-tujuan ("Tujuan") berikut:
 - (a) Untuk mewujudkan hubungan di antara anda dan SMBCLBN;
 - (b) Bagi tujuan penilaian dan usaha wajar ("Due Diligence");
 - (c) Untuk menilai dan memantau penyediaan perkhidmatan;
 - (d) Untuk memenuhi keperluan undang-undang dan kawal selia Kumpulan SMBC;
 - (e) Bagi tujuan penguatkuasaan hak-hak SMBCLBN dan obligasi-obligasi pihak lain terhadap Kumpulan SMBCLBN;
 - (f) Bagi tujuan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan atau dengan persetujuan anda; dan
 - (g) Semua tujuan sampingan lain dan yang berkaitan dengan mana-mana perkara di atas.
- 9. Data Peribadi akan disimpan secara sulit tetapi untuk Tujuan yang diperuntukan, ia boleh dizahirkan kepada pihak-pihak berikut, sama ada di dalam atau di luar Malaysia:
 - (a) Mana-mana syarikat bersekutu Kumpulan SMBC, penyedia perkhidmatan, vendor atau penasihat profesional dibawah tanggungjawab kerahsiaan kepada kami dan memberi perkhidmatan atau kemudahan kepada kami, tidak kira di dalam Malaysia ataupun di luar Malaysia, selagi ianya berkaitan dengan perniagaan ataupun operasi SMBCLBN (termasuk dan tidak terhad kepada perkhidmatan perkakasan "server" dan simpanan SMBCLBN), sama ada di Malaysia ataupun sebaliknya, bagi tujuan pemprosesan transaksi dan penyimpanan nota makluman, rekod transaksi dan dokumen lain, data atau rekod yang mengandungi butiran Data Peribadi;
 - (b) Pihak-pihak lain dibawah tanggungjawab kerahsiaan kepada kami yang berkaitan dengan Tujuan yang diperuntukan di **Seksyen 8**;
 - (c) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh anda;
 - (d) Mana-mana Kumpulan SMBC yang berkaitan dengan Tujuan yang diperuntukan di **Seksyen 8**;
 - (e) Mana-mana pihak berkuasa yang dikehendaki atau diberi kuasa di bawah undang-undang termasuk bagi tujuan mematuhi obligasi pengawal selia atau mana-mana Perintah Mahkamah;
 - (f) Sesiapa sahaja yang menghendaki, mengarah atau memerlukan Kumpulan SMBC untuk menzahirkan maklumat mengikut **Seksyen 8(d)** di atas;
 - (g) Maklumat yang didedahkan menurut terma di atas adalah tertakluk kepada pendedahan lanjut oleh penerima maklumat kepada pihak lain mengikut undang-undang negara di mana penerima maklumat tersebut berada atau undang-undang negara di mana penerima maklumat tersebut tertakluk.

10. Keselamatan Data Peribadi adalah keutamaan SMBCLBN. Kumpulan SMBC akan mengambil langkah-langkah yang praktikal untuk melindungi dan memastikan perlindungan Data Peribadi dengan kawalan keselamatan yang sewajarnya.

11. Anda dan/ atau Subjek Data yang berkaitan boleh membuat permohonan secara bertulis mengikut **Seksyen 13**:

(a) menyemak Data Peribadi dan mendapat akses kepada salinan Data Peribadi; atau
(b) meminta SMBCLBN membetulkan mana-mana Data Peribadi yang tidak tepat.

Bagi memenuhi mana-mana permintaan diatas, SMBCLBN akan memerlukan pengesahan identiti serta jaminan daripada pemohon atau wakil mereka, bagi memastikan bahawa mereka dibenarkan untuk memiliki dan mendapatkan Data Peribadi. Permintaan yang dibuat mestilah spesifik mengenai Data Peribadi yang berkaitan. SMBCLBN juga akan memerlukan maklumat lanjut daripada anda/ Subjek Data berkaitan permintaan yang dibuat.

Fi mungkin dikenakan untuk mengakses Data Peribadi. Secara umumnya anda akan mendapat maklumbalas daripada SMBCLBN dalam tempoh 21 hari.

12. SMBCLBN berhak meminda Notis Privasi ini pada bila-bila masa dengan menerbitkan notis pindaan yang dibuat di laman sesawang SMBCLBN, atau melalui emel kepada anda, atau melalui kaedah lain yang dianggap sesuai oleh SMBCLBN.
13. Semua pertanyaan atau aduan berkaitan dengan Data Peribadi, permintaan untuk mengakses ataupun pembetulan Data Peribadi, permintaan untuk mengehadkan pemprosesan Data Peribadi boleh dibuat secara bertulis dengan menghantar emel kepada Pegawai Perlindungan Data SMBCLBN di smbclbn_dpo@my.smbc.co.jp atau secara pos ataupun melalui faksimili kepada:

Pegawai Perlindungan Data
Sumitomo Mitsui Banking Corporation, Labuan Branch
(No. Lesen: 930016-C)
Level 12 (B&C), Main Office Tower
Financial Park Labuan, Jalan Merdeka
87000 Labuan F.T., Malaysia
Tel No: 60 (87) 410 955 / 957
Faks No: 60 (87) 410 959

14. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.